



# Praktis Ekstra **Unit 1** Kenali Moral

1. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberi. **TP 1**

tingkah laku	kelakuan	mewujudkan
menentukan	tindakan	tatasusila

Moral bermaksud \_\_\_\_\_ yang baik, betul dan diterima sejajar dengan kehendak agama dan \_\_\_\_\_ masyarakat setempat, peraturan dan undang-undang. Moral juga \_\_\_\_\_ baik atau buruk terhadap sesuatu perbuatan dan \_\_\_\_\_ supaya memberikan batasan terhadap aktiviti manusia. Individu yang bermoral seharusnya berkelakuan baik, benar dan patut dalam setiap \_\_\_\_\_ agar hidup bahagia dan sejahtera. Kesedaran moral dalam diri setiap individu dapat \_\_\_\_\_ masyarakat yang harmoni dan progresif agar melahirkan negara yang aman.

2. Nyatakan perlakuan **baik**, **benar** dan **patut** berdasarkan situasi yang diberi. **TP 2**

Situasi	Perlakuan
(a) Amri dan Praveen menolong Cikgu Nizam mengemas bengkel Kemahiran Hidup selepas tamat waktu persekolahan.	
(b) Hui Min terjumpa sebuah dompet di kantin pada waktu rehat. Dia menyerahkan dompet itu kepada guru disiplin sekolah.	
(c) Fariha telah menghilangkan barang perhiasan milik ibunya yang dipinjam semalam. Fariha mengaku perbuatannya itu dan memohon maaf kepada ibunya.	
(d) Haikal melaporkan kepada Ketua Kampung kesalahan adiknya yang terlibat dengan kumpulan yang mencuri motosikal di kawasan perumahannya.	
(e) Cikgu Sarala telah menjatuhkan hukuman digantung persekolahan kepada lima orang murid tingkatan tiga kerana kesalahan membuli murid lain.	
(f) Pui San ternampak seorang lelaki yang menaiki kerusi roda hendak melintas jalan, lalu dia membantu lelaki itu melintas jalan menggunakan laluan belang yang disediakan.	

Nama: .....

Kelas: .....

Tarikh: .....


3. Senaraikan perkara yang patut dilakukan oleh individu yang bermoral dan perkara yang tidak wajar dilakukan apabila berhadapan dengan situasi seperti di bawah. **KBAT** Mengaplikasi / Menilai

(a)



<b>Individu bermoral:</b> (i) _____ _____ _____ (ii) _____ _____ _____	<b>Individu tidak bermoral:</b> (i) _____ _____ _____ (ii) _____ _____ _____
--	--

(b)



<b>Individu bermoral:</b> (i) _____ _____ _____ (ii) _____ _____ _____	<b>Individu tidak bermoral:</b> (i) _____ _____ _____ (ii) _____ _____ _____
--	--